

**PERATURAN PERTANDINGAN
BOLA TAMPAR LELAKI & WANITA
SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA**

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Bola Tampar Lelaki & Wanita Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka undang-undang permainan di bawah MAVA dan Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa hendaklah diikuti.

3.0 PENYERTAAN

- 3.1 Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara (5.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 Perkara (7.0) dalam Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.

5.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 5.1 Rujuk Peraturan Am Perkara (6.0) Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia.
- 5.2 Setiap pasukan hanya boleh menghantar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pengurus Pasukan	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang
3	Pemain	12 orang
JUMLAH		14 orang

6.0 PAKAIAN

- 6.1 Rujuk Perkara (10.0) Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1 Rujuk perkara (9.0) Peraturan Am Sukan Badan Berkanun Malaysia

- 7.2 Keputusan perlawanan akan diputuskan dengan dua (2) kemenangan daripada tiga (3) perlawanan untuk lelaki dan wanita di pusingan awal dan suku akhir.
- 7.3 Keputusan perlawanan akan diputuskan dengan tiga (3) kemenangan daripada lima (5) permainan lelaki dan wanita di pusingan berikutnya.

8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN KUMPULAN

- 8.1 Cara memberi mata:
 - 8.1.1 Menang (3 mata) , Kalah (0 mata)
- 8.2 Jika terdapat pasukan-pasukan mendapat jumlah mata, maka pemenang akan ditentukan mengikut kaedah berikut :-
 - 8.2.1 Nisbah set tertinggi, S = Set menang bahagi set kalah (semua perlawanan)
 - 8.2.2 Jika masih seri, kaedah kedua akan digunakan, M – Jumlah mata menang bahagi mata kalah (semua perlawanan).
 - 8.2.3 Jika masih seri, $S1$ = Jumlah set menang bahagi set kalah (antara pasukan yang terlibat sahaja)
 - 8.2.4 Jika masih seri, $M1$ = Jumlah mata menang bahagi mata kalah (antara pasukan terlibat sahaja)
 - 8.2.5 Jika sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan maka keputusan perlawanan yang telah diadakan di antara kedua-dua pasukan tersebut akan diambil kira. Pasukan yang menang di dalam perlawanan tersebut dikira menang.
 - 8.2.6 Sekiranya masih tidak boleh ditentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka cabutan undi akan dijalankan.

9.0 MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 9.1 Perkara (12.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.
- 9.2 Pasukan yang menang akan diberi mata kemenangan tiga mata dengan jumlah 25-0 dan 25-0.

10.0 BANTAHAN

- 10.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Perkara (17.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.

11.0 KEADAAN LUAR JANGKA

- 11.1 Perkara (23.0) dalam Peraturan Am Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia digunapakai.